

## **TEKS UCAPAN**

**PROF. DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL WATIKAH PELANTIKAN  
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 2017/2018**

**18 DISEMBER 2017 (ISNIN) |  
GALERI MAJLIS**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

1. YBhg. Prof. Dr. Rasid Mail  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  
2. YBhg. Prof. Dr. Ismail Ali  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

3. YBhg. Prof. Dr. Marcus Jopony  
Penolong Naib Canselor
4. En. No'man Haji Ahmad  
Pendaftar ums

Dekan-dekan, Pengetua-pengetua Kolej Kediaman, Pegawai-pegawai Universiti, Barisan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2017/2018 yang diraikan, seterusnya hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya, kita dapat berkumpul dalam Majlis Penyampaian Sijil Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2017/2018.

Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar telah diadakan pada 26 Oktober 2017 bagi memilih seramai 32 orang pelajar bagi membarisi Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2017/2018.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana proses pemilihan perwakilan telah diadakan dengan jayanya tanpa sebarang insiden yang buruk berlaku. Saya yakin bahawa pemilihan secara demokrasi ini adalah satu pilihan yang terbaik oleh pelajar UMS dalam menentukan siapakah yang benar-benar berkaliber dan layak bersuara bagi mewakili pihak siswa siswi UMS.

**Hadirlin hadirat sekalian,**

Seperti yang kita sedia maklum, Majlis Perwakilan Pelajar atau singkatannya MPP bertanggungjawab untuk membantu pengurusan UMS untuk menyampaikan hasrat dan menjadi penghubung utama antara pelajar dan pihak pengurusan dalam apa jua perkara berkaitan pelajar. Kesemua barisan pemimpin pelajar yang baru ini seperti yang telah dimaklumkan akan dilantik secara rasminya pada hari ini.

MPP adalah satu entiti yang sangat penting di UMS kerana mereka mempunyai peranan dan fungsi yang besar serta penting bagi menyalurkan suara siswa siswi UMS kepada pihak pengurusan UMS. MPP juga berfungsi dalam merangka serta menyusun pelbagai strategi, aktiviti program kemahasiswaan yang bertujuan untuk membangun sahsiah pelajar dan aktiviti-aktiviti sebegini akan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai fungsi dan peranan masing-masing kepada masyarakat, bangsa dan negara.

Dengan adanya aktiviti-aktiviti kemahasiswaan yang dirangka oleh MPP, khususnya aktiviti yang berimpak tinggi ini mampu melahirkan pelajar yang produktif. Ternyata, fungsi dan peranan MPP sebagai pemimpin pelajar dan wakil suara pelajar di UMS tidak terhad kepada membantu menjaga kebijakan pelajar semata-mata bahkan peranan MPP sangatlah besar dan luas.

Barisan MPP Sesi 2017/2018 yang telah terpilih ini merupakan barisan yang terbaik di antara ribuan pelajar UMS untuk memimpin rakan-rakan seperjuangan di universiti, yang saya percaya suatu hari nanti bakal mewarisi tampuk pimpinan negara pada masa akan datang. Seorang pelajar UMS yang telah diberikan mandat untuk memegang jawatan yang besar ini harus memikul tanggungjawab dan amanah yang berat dengan membawa harapan rakan-rakan yang telah memilih anda.

Di sebalik kesibukan dan keghairahan anda menjalankan kerja-kerja kepemimpinan pelajar, kesihatan dan kebajikan sendiri perlu dijaga, harus pandai membahagikan masa dan sedar tanggungjawab hakiki anda selaku pelajar di sini. Seorang pemimpin yang baik adalah yang pandai membahagikan masa untuk diri sendiri dan orang lain. Kita tidak mahu dalam keghairahan menjalankan tugas-tugas sebagai pemimpin pelajar, akademik anda terabai.

## **Hadirlin hadirat yang dihormati sekalian,**

Bertepatan dengan majlis kita pada hari ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada barisan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2017/2018. Barisan inilah yang akan meneruskan legasi sebagai pemimpin pelajar yang pasti mampu memberi sumbangan yang terbaik dalam pembangunan universiti seiring untuk menjadi pelajar yang holistik pada masa akan datang.

Akhir kata, kepada Barisan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2017/2018, jalankanlah tugas dan amanah yang diberikan dengan berlandaskan ilmu, pengetahuan dan kemahiran kepimpinan yang sedia ada semoga sentiasa memberi manfaat kepada diri, organisasi, masyarakat dan negara secara umumnya.

Sekian dan terima kasih.